



# INFO@MAFI

Bilangan 1/2021 (Mei 2021)

[www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my) | @mafimalaysia [f](#) [t](#) [@](#) [v](#)



## MAFI ANJUR WEBINAR SEKURITI MAKANAN NEGARA 2021

# MAFI ANJUR WEBINAR SEKURITI MAKANAN NEGARA 2021




Webinar Sekuriti Makanan Negara 2021 telah diadakan secara maya oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada 27 Mei 2021 bagi membincangkan isu, cabaran dan hala tuju sekuriti makanan negara meliputi aspek pemodenan, nutrisi dan sistem makanan. Bertemakan “Sekuriti Makanan Negara: Merealisasikan Keperluan Rakyat”, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan dalam ucaptamanya yang dibacakan oleh Timbalan Menteri I MAFI Datuk Seri Ahmad Hamzah menekankan beberapa aspek yang perlu diutamakan dalam memastikan sekuriti makanan negara terjamin.

Webinar ini turut dihadiri oleh beberapa pembentang yang terkenal termasuk YBhg. Datuk Wira Dr. Hj. Rais Hussin Mohamed Ariff, Pengerusi MDEC; YBhg. Prof. Dr. Jomo Kwame Sundaram, Penasihat Penyelidik, Institut Penyelidikan Khazanah; dan YBhg. Tan Sri Tony Fernandes, Ketua Pegawai Eksekutif Air Asia Group Berhad.

**“Pengukuhan Sekuriti Makanan Negara merupakan proses yang berterusan. MAFI akan terus membangunkan strategi-strategi yang bertepatan dengan keadaan semasa untuk menangani cabaran sekuriti makanan negara.”**

YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee  
Menteri Pertanian dan Industri Makanan



# SEMINAR PENYELIDIKAN PERIKANAN 2021 : REALISASI R&D KE ARAH PEMBANGUNAN HOLISTIK PERIKANAN

Seminar Penyelidikan Perikanan 2021 anjuran Jabatan Perikanan (DOF) menerusi Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) pada 27 Mei 2021. Bertemakan “Realisasi R&D Ke Arah Pembangunan Holistik Perikanan”, seminar ini menjadi platform penting mengetengahkan data-data dan hasil dapatan dari kajian yang dilakukan penyelidik dalam industri perikanan negara. YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dalam ucapan perasmian yang dibacakan oleh YB Timbalan Menteri II MAFI, Datuk Che Abdullah Mat Nawi menyatakan sektor perikanan adalah antara bidang keutamaan dalam industri agromakanan di Malaysia.



Menurut YBM MAFI, peranan sektor perikanan menjadi lebih penting semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam memastikan kelancaran rantaian makanan dan sekuriti makanan negara, terutamanya melalui pengeluaran hasil laut yang merupakan salah satu daripada sumber protein bagi rakyat Malaysia. Pada masa sama, beliau turut memberi penekanan kepada usaha penyelidikan bagi memperkasakan hasil-hasil penyelidikan selaras dengan keperluan rakyat dan industri.



Webinar yang dianjurkan secara maya ini adalah bagi memberi peluang dan manfaat kepada orang awam melalui pembentangan kertas-kertas kajian dan hasil penyelidikan antaranya meliputi, pembangunan baka berkualiti, keberhasilan peningkatan produktiviti ternakan, pencemaran akuatik, kesihatan dan penyakit ikan. Sesi webinar ini juga menyaksikan pelancaran penerbitan terbaharu (2018-2021) yang terdiri daripada buku buku penyelidikan dan jurnal-jurnal penyelidikan. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha MAFI, Yang Berbahagia Dato' Haslina binti Abdul Hamid bersama Ketua Pengarah Perikanan Malaysia Yang Berbahagia En. Ahmad Tarmidzi bin Ramly. Yang Berusaha Dr Zainuddin B. Jamari Pengarah Kanan Penyelidikan (FRI), Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri, pegawai-pegawai perikanan, penyelidik-penyelidik perikanan dan wakil dari agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan turut hadir secara maya.





## PELANCARAN MY BEST BUY AIDILFITRI

YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah melancarkan Program My Best Buy Aidilfitri anjuran FAMA dengan kerjasama Unit Agropreneur Muda pada 3 Mei 2021 di Perkarangan Wisma Tani, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Program ini dilaksanakan di 188 buah lokasi di seluruh negara dengan nilai jualan sebanyak RM76.84 juta telah dicapai dari tahun 2014 hingga 2020. Turut hadir sama adalah YB Timbalan Menteri I MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ketua Setiausaha Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Haslina binti Abdul Hamid.



## MAJLIS INFAQ KASIH MAFI 2021 BERSAMA KSU

YBhg. Dato Haslina binti Abdul Hamid telah hadir menyampaikan sumbangan di Majlis Infaq Kasih MAFI 2021 pada 6 Mei 2021 yang bertempat di Wisma Tani, Putrajaya. Infaq Kasih ini merupakan sumbangan warga MAFI yang diterima oleh warga MAFI sendiri terdiri daripada Ibu dan Bapa Tunggal, Pembantu awam dan operasi serta pemandu.

## NAFAS, MARDI BEKAL VARIETI PADI BERKUALITI

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah dilantik sebagai pemborong tunggal bagi program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berkuatkuasa 24 November 2020. Menurut Pengarah Kumpulan Bisnes Sektor Awam NAFAS, Encik Saripol Baharin Karim, sehingga 30 Mei 2021, NAFAS telah menyelesaikan pengedaran sebanyak 85% pesanan beg benih padi sah bagi memenuhi keperluan petani melalui 145 Pertubuhan Peladang Kawasan. NAFAS juga berjaya mengatasi masalah kekurangan stok varieti MR297 dengan mencadangkan beberapa jenis varieti yang lain seperti yang disarankan oleh pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Pengarah Pusat Penyelidikan Padi dan Beras MARDI, Dr. Asfaliza Ramli berkata, sejak dahulu lagi,

sebanyak 70 peratus pengeluaran beras dalam negara adalah hasil benih keluaran MARDI. Kini, antara varieti industri yang sudah tersedia di pasaran ialah beras putih MR297, MR303, MR307 dan varieti terbaharu MR315 dan MRQ104, beras wangi. Beliau menekankan, petani-petani boleh mendapatkan bekalan benih padi yang berdaftar dan sah daripada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) bagi memastikan tidak ada sebarang manipulasi oleh pihak-pihak tertentu terhadap bekalan benih padi di mana siling telah ditentukan oleh pihak kerajaan.



**DR. ANIS BIN MAHMUD @ ABDUL SAMAD**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)  
Pengerusi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

Sumber: Petikan dari Keratan Akhbar Utusan Malaysia, 31 Mei 2021

## BANTUAN MAFI PRIHATIN KEPADA PENDUDUK TERJEJAS PKPD

YB Timbalan Menteri I MAFI Datuk Seri Ahmad Hamzah telah hadir menyampaikan Bantuan MAFI PRIHATIN kepada penduduk Kg Permatang Tulang, Mukim Sebatu, Daerah Jasin, Melaka pada 10 Mei 2021. Kawasan tersebut telah diletakkan dibawah PKPD bermula 7 Mei hingga 20 Mei bagi mengekang penularan wabak Covid-19. Beberapa agensi MAFI Negeri turut terlibat menyalurkan bantuan berupa barangan keperluan makanan untuk di sampaikan kepada mereka yang terkesan.



## BANTUAN MAFI PRIHATIN: TABUNG BENCANA TANAMAN PADI TAHUN 2021

YB Timbalan Menteri II MAFI, Datuk Che Abdullah Mat Nawi telah menyampaikan Bantuan MAFI Prihatin : Bantuan Banjir/ Ribut Tabung Bencana Tanaman Padi Tahun 2021 secara pandu lalu pada 20 Mei 2021 bagi Jajahan Kota Bharu di PPK Nilam Puri dan PPK Tanjung Puri, Kota Bharu kepada petani yang terjejas akibat bencana banjir dan ribut musim lepas. Keseluruhan petani dalam Jajahan Kota Bharu yang menerima bantuan di PPK Nilam Puri dan PPK Tanjung Puri adalah seramai 165 orang dengan jumlah nilai bantuan sebanyak RM 337,682.20.



### DAFTAR UNTUK VAKSINASI COVID-19 MELALUI TIGA KAEDAH

- 1 MENERUSI APLIKASI MYSEJAHTERA
- 2 MENERUSI LAMAN SESAWANG [WWW.VAKSINCOVID.GOV.MY](http://WWW.VAKSINCOVID.GOV.MY)
- 3 TALIAN HOTLINE: 1800-888-828

COVID-19 Vaccination

**LINDUNGI DIRI, LINDUNGI SEMUA.**

[www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my) | @mafimalaysia

### DASAR BEKERJA DARI RUMAH (BDR) PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2020

**APA ITU BDR?**  
Pegawai melaksanakan tugas hakiki atau tugas-tugas rasmi lain dirumah.

**PRINSIP PELAKSANAAN BDR**  
Pegawai boleh BDR apabila mendapat arahan daripada Kerajaan atau mendapat arahan/kebenaran daripada Ketua Jabatan.

**PERATURAN BDR**

- 1 Sentiasa berada di rumah sebagai tempat bekerja dalam tempoh waktu bekerja yang ditetapkan.
- 2 Sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh, hari dan waktu bekerja.
- 3 Sentiasa bersedia untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.
- 4 Mematuhi semua undang-undang peraturan, pekeliling dan arahan yang berkuat kuasa.
- 5 Menyempurnakan semua tugas dan KPI yang diberikan oleh Ketua Jabatan.

Kediaman pegawai seperti alamat tempat tinggal yang didaftarkan dalam HRMIS.

*Tahniah*

PUAN AZAH HANIM BINTI AHMAD

di atas pelantikan sebagai

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR)

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

pada

20 Mei 2021

DISEDIAKAN OLEH :  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, MAFI